

Headline **Penerbangan akhir haji selamat pulang**
Date **03 Jan 2010**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **Abdul Halim Yusoff**
Frequency **Daily**
Circ / Read **342,946 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **7**
Article Size **379 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,802**
PRValue **14,407**



Penerbangan akhir haji selamat pulang

Keselesaian jemaah keutamaan penanda aras khidmat

Azrina Ahzan

SEPANG: Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) sedia berbincang dengan Penerbangan Malaysia (MAS) berhubung kontrak jangka panjang dengan syarikat penerbangan itu bagi penghantaran jemaah haji ke Makkah mulai musim haji akan datang.

Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor, berkata kontrak jangka panjang itu bagaimanapun perlu mengambil kira beban kewangan yang perlu ditanggung agensi berkenaan bagi mengelakkan kos tambahan kepada jemaah.

"Walaupun Tabung Haji mempunyai pengalaman dan berpuas hati dengan perkhidmatan MAS dan Saudi Air, kita masih perlu menilai

semua kontrak penerbangan sedia ada. Paling penting kepada kita ialah perkhidmatan yang diberikan kepada jemaah.

"Keselesaian jemaah adalah penanda aras penting kepada Tabung Haji," katanya selepas menyambut ketibaan 347 jemaah haji dan petugas agensi itu yang menaiki penerbangan terakhir dari Jeddah di Lapangan Terbang

Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini semalam.

Beliau mengulas laporan mengenai cadangan MAS untuk memeterai kontrak jangka panjang selama 10 tahun dengan Tabung Haji bagi penghantaran jemaah ke

Makkah dan Madinah pada musim haji akan datang. Perjanjian sedia ada hanya

bagi tempoh tiga tahun yang berakhir 1 Januari lalu.

Penolong Pengurus Besar (Perkhidmatan Sewa Khas dan Haji) MAS, Kapten Nik Huzlan Nik Hussain, dilaporkan berkata, kontrak jangka panjang dianggarkan bernilai antara RM1.2 bilion hingga RM1.3 bilion itu akan memanfaatkan kedua-dua pihak kerana keadaan turun naik kos penerbangan, terutama disebabkan ketidakstabilan harga bahan api.

Ditanya sama ada Tabung Haji sedia mengadakan perbincangan dengan syarikat penerbangan lain selain MAS, Abi Musa berkata, agensi itu terbuka untuk menerima cadangan daripada mana-mana syarikat penerbangan.

"Bagaimanapun semua-

nya (cadangan) perlu dikaji kerana ia membabitkan faktor kewangan... setiap keputusan mesti dibuat berasaskan faktor itu," katanya.

Sebelum ini, Tabung Haji pernah memilih AirAsia Bhd (AirAsia) dan Transmile Air Sdn Bhd (Transmile) untuk mengendalikan penghantaran jemaah haji selama enam tahun sebelum melantik semula MAS pada 2003.

“Kontrak jangka panjang perlu ambil kira kos kewangan kami dan elak beban jemaah"**”**

**Abi Musa Asa'ari
Mohamed Nor**
Pengerusi Tabung Haji

Headline **Penerbangan akhir haji selamat pulang**
Date **03 Jan 2010**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **Abdul Halim Yusoff**
Frequency **Daily**
Circ / Read **342,946 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **7**
Article Size **379 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,802**
PRValue **14,407**



DAVID KHOO | BERITA HARIAN

KETIBAAN 347 jemaah dan petugas LTH yang menaiki penerbangan terakhir dari Jeddah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam.